



KATA ALU-ALUAN

Sekolah merupakan institusi masyarakat yang penting. Di sekolah, seseorang pelajar itu menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah serta jati diri untuk menghadapi globalisasi dunia tanpa sempadan. Di sekolah mereka dididik untuk menyesuaikan diri sebagai seorang dewasa yang mampu bertindak dengan penuh tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, agama dan negara .

Aspek disiplin memainkan peranan yang amat penting bagi membina insan yang mampu memenuhi aspirasi negara. Disiplin adalah aspek terpenting dalam kehidupan. Ianya merupakan kawalan sosial yang dapat menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup. Oleh kerana disiplin itu bersifat relatif, maka apa jua usaha ke arah meningkatkan disiplin pelajar seharusnya tertumpu kepada pembinaan keupayaan pelajar itu sendiri untuk mengawal dan membina keyakinan diri tanpa arahan dan kawalan dari luar.

Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, masalah keruntuhan tata tertib di kalangan pelajar amat dirasai. Jika gejala ini tidak ditangani, masalah sosial yang lebih serius akan mengancam masa depan negara. Oleh itu, masalah disiplin di sekolah tidak boleh dianggap sesuatu yang mudah. Tindakan yang tegas perlu dilaksanakan untuk mencegah menularnya isu-isu disiplin di sekolah yang boleh merencatkan proses pembelajaran dan pengajaran. Sebagai golongan yang diamanahkan untuk mencorakkan sahsiah generasi masa depan, kita perlu berupaya menangkis segala tomanan yang hanya akan melunturkan semangat dan kesepaduan dalam menjayakan misi ini. Semoga segala usaha daripada semua pihak akan diberkati.

NIR KARSA NIR JAYA

JAHENI BIN SIDEK
Pengetua
SMK Dato' Bentara Luar
Batu Pahat
Johor

VISI

Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

MISI

Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi Individu
Bagi Memenuhi Aspirasi Negara

MATLAMAT

Melahirkan tenaga manusia yang berilmu, berbudi bahasa, berdisiplin, berakhlak mulia,
bertanggungjawab dan berteknologi dalam masyarakat bagi memenuhi keperluan
negara maju menjelang tahun 2020

OBJEKTIF

- Meningkatkan kualiti pendidikan dari segi kurikulum dan sahsiah dari semasa ke semasa
- Meningkatkan semangat cinta akan sekolah dan perasaan kekeluargaan dalam kalangan pelajar, guru, staf sokongan dan pentadbir sekolah
- Meningkatkan perhubungan yang akrab dengan masyarakat setempat menerusi sarana ibubapa dan pemuafakatan
- Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sekolah ini.

Bahagian 1

**PUNCA KUASA
PERATURAN SEKOLAH
SMK DATO' BENTARA LUAR
BATU PAHAT
JOHOR**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh *ORDINAN PELAJARAN, 1957, PERATURAN-PERATURAN PELAJARAN (DISIPLIN SEKOLAH)*, 1959, maka dengan ini Pengetua sekolah telah membuat peraturan-peraturan berikut ;

1. *Nama dan tarikh mula berkuatkuasa peraturan ;*
Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan *PERATURAN SEKOLAH SMK DATO' BENTARA LUAR BATU PAHAT, JOHOR (Pindaan 2015)* dan hendaklah mula dikuatkuasakan ke atas semua murid (pelajar) SMK DATO' BENTARA LUAR BATU PAHAT JOHOR bermula pada SATU haribulan JANUARI dalam tahun DUA RIBU ENAM BELAS (01hb JANUARI 2016)
2. *Tafsiran ;*
 - 2.1. **Murid** ertinya seorang pelajar tidak mengira umur yang sedang belajar di SMK Dato' Bentara Luar Batu Pahat Johor.
 - 2.2. **Pengetua/ Gurubesar** ertinya seorang pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia untuk mengurus atau mentadbir sekolah.
 - 2.3. **Peraturan** ertinya segala yang telah ditetapkan di sekolah dan mestilah dipatuhi oleh pelajar.
 - 2.4. **Kesalahan** ertinya perbuatan salah laku yang melanggar hukum atau peraturan sama ada perbuatan itu nyata atau tidak nyata yang boleh dikenakan tindakan disiplin jika pelajar melakukannya.
 - 2.5. **Larangan** ertinya apa-apa tingkah laku atau perbuatan yang ditegah atau salah dan melanggar peraturan atau hukum.
 - 2.6. **Tindakan disiplin** ertinya hukuman yang dikenakan terhadap pelajar sekolah kerana melakukan kesalahan.

3. *Tanggungjawab dan Kuasa Pengetua Sekolah ;*
 - 3.1. Pengetua hendaklah bertanggungjawab kepada Kementerian Pendidikan Malaysia berhubung dengan disiplin pelajar di sekolahnya.
 - 3.2. Pengetua hendaklah ;
 - 3.2.1. Mempunyai kuasa dalam semua perkara yang terkandung di dalam peraturan-peraturan ini bagi mengawal, menyelia atau menyelesaikan masalah disiplin pelajar di sekolahnya.
 - 3.2.2. Mempunyai kuasa menjalankan apa-apa tindakan disiplin yang terkandung di dalam peraturan ini.
4. *Perwakilan dan Penurunan Kuasa oleh Pengetua ;*
 - 4.1. Pengetua berkuasa mewakilkan kuasanya untuk menguatkuasakan Peraturan Sekolah kepada guru-guru atau pelajar-pelajar ;
 - 4.2. Pada bila-bila keadaan Pengetua berpuas hati bahawa adalah perlu bagi tujuan ;
 - 4.2.1. mencegah, mengawal atau mendisiplin pelajar ; atau
 - 4.2.2. menjaga keselamatan pelajar dan ketenteraman disiplin di sekolah.
5. *Tindakan Disiplin ;*
 - 5.1. *Pembuangan Sekolah ;*

Seseorang pelajar yang telah melakukan salah laku atau tingkah laku yang mengganggu berulang kali dan didapati tidak berubah tingkah lakunya selepas tindakan pemulihannya diambil oleh pengetua atau ; tingkah lakunya mendatangkan gangguan yang serius kepada pelajar lain atau ; terhadap keseluruhan disiplin sekolah, maka tindakan disiplin yang akan dikenakan terhadap pelajar ialah mengarahkan Pembuangan Sekolah.
 - 5.2. *Penggantungan Sekolah ;*

Penggantungan sekolah merupakan satu arahan di mana pelajar yang melakukan salah laku dilarang masuk ke dalam kawasan sekolah atau ; menikmati mana-mana kemudahan sekolah. Penggantungan sekolah adalah bersifat sementara sahaja.

5.3. *Hukuman Dera (Rotan) ;*

Hukuman dera (Corporal punishment / rotan) boleh dikenakan kepada pelajar mengikut syarat yang dinyatakan dalam Ordinan pelajaran. Hukuman rotan adalah sangat berguna dan berkesan apabila dilakukan sebaik-baik sahaja sesuatu salah laku itu dilakukan oleh pelajar. Kesan hukuman rotan bukan sahaja sebagai langkah pencegahan kepada yang lain, malah ianya penting kepada pelajar yang melakukan salah laku supaya tidak mengulangi perbuatan mana-mana salah laku lagi.

5.4. *Penahanan ;*

Penahanan adalah untuk mengawal pelajar yang melakukan salah laku kenakalan supaya tingkah laku pada masa hadapan dapat dikawal dan diperbaiki dengan cara menafikannya menikmati dan menggunakan masa lapangnya. Arahan penahanan itu hendaklah ditentukan masa dan jumlah jam seseorang pelajar itu ditahan. Aktiviti-aktiviti semasa pelajar itu dalam penahanan hendaklah berupa sesuatu yang berfaedah dan membina.

5.5. *Denda ;*

Denda merupakan satu hukuman yang perlu dipertingkatkan dengan lebih teliti agar denda boleh diseimbangkan dengan kemampuan pelajar. Denda seharusnya dibayar oleh pelajar itu sendiri dan bukannya ibubapa supaya pelajar itu sendiri dapat merasai bahawa ianya telah dihukum.

5.6. *Amaran ;*

Amaran adalah sesuai apabila Pengetua telah menimbang keadaan dan jenis salah laku seseorang pelajar tersebut itu, di mana hukuman lebih berat adalah tidak wajar.

5.7. *Lain-lain Tindakan Disiplin Yang Tidak Dinyatakan ;*

Mana-mana salah laku yang tidak dinyatakan di dalam Peraturan Sekolah ini, tindakan disiplin dan hukuman adalah tertakluk kepada pertimbangan budi bicara Pengetua serta sesuai dan perlu mengikut jenis kesalahan itu.

6. *Pertimbangan Pengetua terhadap Tindakan Disiplin di mana kesalahan tidak dinyatakan di dalam Peraturan sekolah*

Pemeringkatan kesalahan bergantung kepada tujuan pelajar yang membuat kesalahan itu dan kesan terhadap keselamatan pelajar dan keseluruhan disiplin di sekolah. Lebih serius kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pelajar itu, maka lebih berat hukuman yang perlu dikenakan terhadap pesalah.

7. *Sijil Berhenti Sekolah ;*

Mana-mana pelajar yang telah dikenakan Tindakan Disiplin Pembuangan Sekolah dibawa *Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959*, Pengetua boleh mencatatkan ' *DiBuang Sekolah* ' pada sijil berhenti sekolah pelajar itu.

8. *Pelaporan Kelakuan Pada Sijil Berhenti Sekolah ;*

8.1. Kriteria pelaporan Kelakuan

Kelakuan	Kriteria kelakuan
<i>Cemerlang</i>	Sahsiah terpuji, memberikan komitmen yang tinggi kepada sekolah dari aspek pencapaian akademik, pencapaian aktiviti kokurikulum, melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai semangat sayangkan sekolah dan menjadi contoh kepada pelajar lain
<i>Baik</i>	Sahsiah yang baik. Ada kesungguhan untuk memperbaiki diri dari aspek ketrampilan dan penampilan diri . Sentiasa mempertingkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum serta dapat menyesuaikan diri dalam pergaulan dengan guru dan rakan pelajar.
<i>Sederhana</i>	Tidak memberikan komitmen yang baik kepada sekolah. Terlibat dengan masalah disiplin di sekolah. Tidak berubah tingkah lakunya walaupun telah diberikan amaran atau nasihat atau telah dikenakan tindakan disiplin.
<i>Tidak Baik</i>	Tidak menunjukkan komitmen yang baik kepada sekolah. Sering terlibat dengan masalah disiplin yang serius sama ada kesalahan ringan, sederhana atau berat dan berulang kali. Tiada kesungguhan untuk menunjukkan perubahan tingkah laku yang baik walau pun telah kerap kali di berikan nasihat, amaran dan di kenakan tindakan disiplin.

Bahagian 2

PERATURAN SEKOLAH

1. PERATURAN AM SEKOLAH

- 1.1. Setiap pelajar sekolah di SMK Dato' Bentara Luar Batu Pahat Johor hendaklah sentiasa mematuhi segala peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Sekolah ini.
- 1.2. Pelajar dilarang terlibat atau melakukan mana-mana perbuatan tidak bermoral sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah.
- 1.3. Pelajar dilarang melanggar mana-mana peraturan awam atau undang-undang Malaysia.
- 1.4. Pelajar hendaklah pada setiap masa menghormati guru-guru, staf sekolah, pengawas sekolah, pihak yang berurusan dengan pihak sekolah serta rakan-rakan sekolah.
- 1.5. Pelajar hendaklah mematuhi arahan dari pengetua sama ada berbentuk surat, pekeliling, hebahan atau apa-apa bentuk komunikasi yang bertujuan untuk menyampaikan sesuatu berita atau pemberitahuan.
- 1.6. Setiap pelajar hendaklah pada setiap masa mengamalkan Prinsip-prinsip Rukun Negara dan menghormati Perlembagaan Negara Malaysia.
- 1.7. Setiap pelajar tidak boleh ;
 - 1.7.1. Mencemarkan nama baik sekolah dengan melakukan perbuatan yang melanggar Peraturan Sekolah sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah.
 - 1.7.2. Bersikap biadap atau mencemar nama baik atau memfitnah atau menghina atau menjatuhkan maruah guru-guru atau staf sekolah atau pelajar sekolah sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah.
 - 1.7.3. Melakukan perbuatan Laku musnah (vandalisme) atau perbuatan khianat terhadap apa-apa kepunyaan individu sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah.

- 1.7.4. Mengancam keselamatan atau mengganggu ketenteraman disiplin sekolah.
- 1.7.5. Mendatangkan gangguan yang keterlaluan dengan melakukan perbuatan atau tingkah laku yang mengganggu terhadap guru-guru atau staf sekolah atau rakan pelajar atau mana-mana pihak yang berurusan dengan sekolah.
- 1.7.6. Menimbulkan isu-isu perkauman yang boleh menyebabkan berlakunya rasa kegelisahan atau ketakutan atau permusuhan di kalangan guru-guru atau staf sekolah atau rakan pelajar atau mana-mana pihak yang berurusan dengan sekolah.
- 1.7.7. Melakukan perbuatan atau tingkah laku yang biadap terhadap mana-mana tokoh atau pemimpin negara yang bertujuan untuk menghina atau untuk menunjukkan perasaan kebencian.
- 1.7.8. Menimbulkan isu-isu yang boleh mengugat atau mencemarkan Sistem Demokrasi atau kedaulatan Sistem Raja Berperlembagaan
- 1.8. Setiap pelajar hendaklah belajar bersungguh-sungguh dan mendengar nasihat serta mematuhi arahan dari guru-guru di sekolah ini.
- 1.9. Setiap pelajar wajib mengambil bahagian dalam semua aktiviti atau kegiatan bercorak akademik atau ko kurikulum jika diarahkan oleh pengetua.
- 1.10. Pada setiap masa, pelajar hendaklah menunjukkan penampilan diri yang kemas dan berdisiplin.
- 1.11. Pelajar hendaklah pada setiap masa sentiasa menunjukkan semangat Sayangkan Sekolah (*Esprit DeCorp*) dengan mempamerkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik, ko kurikulum, pergaulan, tingkah laku di mana-mana sama ada di dalam sekolah atau luar sekolah.

2. LARANGAN

- 2.1. Pelajar dilarang menyertai atau menganggotai atau mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti parti-parti politik atau mana-mana pertubuhan haram.
- 2.2. Pelajar dilarang menyertai atau terlibat dalam mana-mana perhimpunan haram atau mana-mana perhimpunan yang tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa.

- 2.3. Pelajar dilarang menyimpan atau mengedar atau menulis atau mencetak apa-apa bahan yang berkaitan dengan mana-mana parti politik sama ada di dalam negara atau di luar negara.
- 2.4. Pelajar dilarang mengedar, menulis, atau menyimpan atau menyiarkan apa-apa bahan bercetak yang mengandungi unsur-unsur hasutan yang boleh mengugat perpaduan kaum.
- 2.5. Pelajar dilarang menyimpan atau mengedar atau menulis atau mencetak apa-apa bahan yang berkaitan dengan pertubuhan haram atau negara yang mengamalkan fahaman komunis.
- 2.6. Pelajar yang ingin menyertai apa-apa jua aktiviti atau program yang dianjurkan oleh badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari pengetua.
- 2.7. Pelajar yang ingin menyertai apa-apa jua aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari pengetua.
- 2.8. Pelajar dilarang memiliki atau mengedar apa-apa bahan atau produk ; yang berunsur perjudian atau lucah atau yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada individu jika disalahgunakan.
- 2.9. Pelajar dilarang menyiarkan dengan cara memuat naik (*Up load*) atau memuat turun (*down load*); apa-apa bahan bercetak atau video yang lucah atau berunsur hasutan atau ancaman dalam media sosial bertujuan untuk menghina atau menjatuhkan maruah atau mendatangkan ketakutan atau kegelisahan kepada seseorang individu atau sesuatu organisasi.
- 2.10. Pelajar dilarang terlibat atau menganjurkan apa-apa aktiviti yang bercorak perjudian atau pertaruhan sama ada menggunakan wang atau apa-apa pertaruhan.
- 2.11. Pelajar dilarang mengotori kawasan sekolah.

3. JADUAL MASA BELAJAR

3.1. Jadual masa belajar Tingkatan 1 dan 2.

Masa / Hari	1.00	1	2	3	4	5	6	4.45	7	8	9	
	1.25	1.25	2.00	2.35	3.10	3.45	4.15	4.45	5.10	5.40	6.10	6.40
AHAD	PERH S O L A T							R E H A T				
ISNIN												
SELASA												
RABU											KO KO	
KHAMIS												

3.2. Jadual masa belajar Tingkatan 1 dan 2 pada bulan Ramadan.

Masa / Hari	1	2	3	4	2.30	5	6	7	8	9	5.05
	12.50	1.15	1.40	2.05	3.00	3.00	3.35	3.50	4.15	4.40	5.05
AHAD					S O L A T Z O H O R						S O L A T A S A R P
ISNIN											
SELASA											
RABU											
KHAMIS											

3.3. Jadual masa belajar Tingkatan 3 dan 6.

Masa / Hari	0 7.00 8.10	1 8.10 8.45	2 8.45 9.20	3 9.20 9.55	4 9.55 10.15	5 10.15 10.50	6 10.50 11.20	7 11.20 11.50	8 11.50 12.20	9 12.20 12.50	10 12.50 1.20	11 1.20 2.00
AHAD	P											KTT
	7.00 7.30	7.30 8.10	8.10 8.50	8.50 9.30	9.30 9.50	9.50 10.30	10.30 11.05	11.05 11.40	11.40 12.10	12.10 12.40	12.40 1.10	1.10 2.00
ISNIN	P											KTT
SELASA												KTT
	7.00 7.30	7.30 9.00		3 9.00 9.40	9.40 10.00	4 10.00 10.40	5 10.40 11.15	6 11.15 11.50	7 11.50 12.25	8 12.25 1.00	9 1.00 1.35	10 1.35 2.00
RABU	P	KO-KO TGK 3&6										
	7.00 8.10	1 8.10 8.45	2 8.45 9.20	3 9.20 9.55	9.55 10.15	4 10.15 10.50	5 10.50 11.20	6 11.20 11.50	7 11.50 12.20	8 12.20 12.50	9 12.50 1.20	10 1.20 2.00
KHAMIS	B/K											KTT

3.4. Jadual masa belajar Tingkatan 3 dan 6 pada bulan Ramadan.

Masa / Hari	7.00 8.00	1 8.00 8.30	2 8.30 9.00	3 9.00 9.30	4 9.30 9.50	5 9.50 10.20	6 10.20 10.50	7 10.50 11.20	8 11.20 11.50	9 11.50 12.20	10 12.20 12.50	11 12.50 2.00
AHAD	P											KTT
	7.00 7.30	7.30 8.05	8.05 8.40	8.40 9.15	9.15 9.35	9.35 10.10	10.10 10.40	10.40 11.10	11.10 11.40	11.40 12.10	12.10 12.40	12.40 2.00
ISNIN	P											KTT
SELASA	P											KTT
	7.00 8.00	3 8.00 8.35	4 8.35 9.10	5 9.10 9.45	9.45 10.05	6 10.05 10.40	7 10.40 11.20	8 11.20 12.40	9 12.40 2.00			
RABU	B/K											
	7.00 7.30	1 7.30 8.05	2 8.05 8.40	3 8.40 9.15	9.15 9.35	4 9.35 10.10	5 10.10 10.40	6 10.40 11.10	7 11.10 11.40	8 11.40 12.10	9 12.10 12.40	10 12.40 2.00
KHAMIS	P											KTT

3.4. Jadual masa belajar Tingkatan 4 dan 5.

Masa / Hari	0 7.00 8.10	1 8.10 8.45	2 8.45 9.20	3 9.20 9.55	4 9.55 10.30	10.30 10.50	5 10.50 11.20	6 11.20 11.50	7 11.50 12.20	8 12.20 12.50	9 12.50 1.20	10 1.20 2.00
AHAD	P											KTT
	7.00 7.30	1 7.30 8.10	2 8.10 8.50	3 8.50 9.30	4 9.30 10.10	10.10 10.30	5 10.30 11.05	6 11.05 11.40	7 11.40 12.10	8 12.10 12.40	9 12.40 1.10	10 1.10 2.00
ISNIN	P											KTT
SELASA												KTT
	7.00 7.30	7.30 – 9.00		3 9.00 9.40	4 9.40 10.20	10.20 10.40	5 10.40 11.15	6 11.15 11.50	7 11.50 12.25	8 12.25 1.00	9 1.00 1.35	10 1.35 2.00
RABU	P	KO-KO TGK 4&5										
	7.00 8.10	1 8.10 8.45	2 8.45 9.20	3 9.20 9.55	4 9.55 10.30	10.30 10.50	5 10.50 11.20	6 11.20 11.50	7 11.50 12.20	8 12.20 12.50	9 12.50 1.20	10 1.20 2.00
KHAMIS	B/K											KTT

3.5. Jadual masa belajar Tingkatan 4 dan 5 pada bulan Ramadan.

Masa / Hari	7.00 8.00	1 8.00 8.30	2 8.30 9.00	3 9.00 9.30	4 9.30 9.50	9.50 10.20	5 10.20 10.50	6 10.50 11.20	7 11.20 11.50	8 11.50 12.20	9 12.20 12.50	10 12.50 2.00
AHAD	P											KTT
	7.00 7.30	7.30 8.05	8.05 8.40	8.40 9.15	9.15 9.35	9.35 10.10	10.10 10.40	10.40 11.10	11.10 11.40	11.40 12.10	12.10 12.40	12.40 2.00
ISNIN	P											KTT
SELASA	P											KTT
	1 7.00 8.00	3 8.00 8.35	4 8.35 9.10	5 9.10 9.45	9.45 10.05	10.05 10.40	10.40 11.20	11.20 12.40	12.40 2.00			
RABU	B/K											
	7.00 7.30	1 7.30 8.05	2 8.05 8.40	3 8.40 9.15	9.15 9.35	9.35 10.10	10.10 10.40	10.40 11.10	11.10 11.40	11.40 12.10	12.10 12.40	12.40 2.00
KHAMIS	P											KTT

- 3.6. Perubahan masa belajar ;
 - 3.6.1. Guru mata pelajaran waktu pertama akan masuk ke kelas jika tiada perhimpunan mingguan atau Budaya Al-Quran dan Kerohanian.
 - 3.6.2. Pada hari Ahad jika tiada perhimpunan atau minggu peperiksaan, guru tingkatan akan masuk ke kelas masing-masing pada waktu pertama.
 - 3.6.3. Sesi pagi, tamat masa belajar pada hari Ahad ialah pada jam 1.20 petang, tamat masa belajar pada Rabu adalah pada jam 1.35 petang dan tamat masa belajar pada hari Khamis adalah pada jam 1.20 petang.
 - 3.6.4. Pada minggu peperiksaan, aktiviti Ko Kurikulum di tangguhkan.
 - 3.6.5. Pada bulan Ramadan, aktiviti Ko Kurikulum dan KTT di tangguhkan.
 - 3.6.6. Pada bulan Ramadan, Budaya Al-Quran dan Kerohanian di jalankan pada hari Rabu.

4. PERATURAN WAKTU PELAJAR HADIR KE SEKOLAH DAN BALIK SEKOLAH.

- 4.1. Pelajar sesi pagi hendaklah hadir ke sekolah sebelum jam 7.20 pagi. Pelajar yang hadir lewat ke sekolah (melebihi jam 7.20 pagi) akan dikenakan tindakan disiplin.
- 4.2. Waktu balik sekolah pelajar sesi pagi adalah seperti di (3.6.3) kecuali hari Isnin dan Selasa, waktu balik ialah pukul 1.10 petang.
- 4.3. Pelajar sesi petang hendaklah hadir ke sekolah selepas jam 12.30 tengahari. Tamat masa belajar pelajar sesi petang adalah pada jam 6.45 petang.
- 4.4. Setiap masa pelajar hadir ke sekolah dan balik sekolah hendaklah melalui pintu pagar utama sekolah.
- 4.5. Setiap masa pelajar hadir ke sekolah hendaklah terus masuk ke dalam kawasan sekolah. Pelajar dilarang berkumpul di luar kawasan sekolah.
- 4.6. Semasa balik dari sekolah, pelajar yang menunggu penjaga atau van sekolah hendaklah menunggu di pondok yang disediakan oleh pihak sekolah.

5. PERATURAN JIKA PELAJAR TIDAK DAPAT HADIR KE SEKOLAH

- 5.1. Jika tidak dapat hadir ke sekolah disebabkan sakit, pelajar perlu mengemukakan Sijil Cuti Sakit dari hospital atau klinik kerajaan atau klinik swasta kepada pihak sekolah.
- 5.2. Pelajar yang tidak hadir ke sekolah tanpa apa-apa kenyataan akan dikenakan tindakan disiplin.

6. PERATURAN TINGKAH LAKU PELAJAR DI DALAM BILIK DARJAH ATAU BILIK KHAS

- 6.1. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga tatatertib dan menunjukkan tingkah laku yang sopan dan mematuhi arahan guru semasa berada di dalam bilik darjah atau di bilik khas.
- 6.2. Pelajar hendaklah sentiasa berada di dalam bilik darjah atau bilik khas mengikut Jadual Masa Belajar.
- 6.3. Pelajar hendaklah sentiasa menepati masa belajar yang telah ditetapkan di dalam Jadual Masa Belajar.
- 6.4. Semasa guru masuk ke dalam atau keluar dari bilik darjah atau bilik khas , semua pelajar hendaklah bangun dan memberikan ucap selamat kepada guru dengan bersopan dan beradap.
- 6.5. Apabila loceng balik sekolah dibunyikan, pelajar hendaklah menutup suis lampu dan kipas, menyimpan semua peralatan yang digunakan, menutup tingkap dan menyusun kerusi meja. Keluar dari kelas atau bilik khas melalui pintu hadapan dengan tertib dan terkawal dengan arahan guru.
- 6.6. Kebersihan dan keceriaan di bilik darjah atau bilik khas adalah tanggungjawab semua pelajar. Patuhi Jadual Tugas Harian yang telah diarah oleh guru. Pastikan bilik darjah telah dibersihkan sebelum guru memulakan pengajaran atau sebelum waktu balik sekolah.
- 6.7. Pelajar tidak dibenarkan keluar dari bilik darjah tanpa kebenaran guru.
- 6.8. Gunakan Kad Kebenaran Keluar Kelas jika pelajar ingin ke tandas, ke bilik guru atau ke pejabat sekolah. Bagi pelajar lelaki, hanya seorang pelajar sahaja dibenarkan keluar dengan kebenaran guru pada suatu masa dan pelajar perempuan pula dua pelajar dibenarkan keluar dengan kebenaran.

- 6.9. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan apa-apa alatan, bahan atau perkakasan ketika berada di bilik darjah atau bilik khas tanpa kebenaran atau pengawasan guru.
- 6.10. Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar apa-apa alatan, bahan atau perkakasan dari bilik darjah atau bilik khas tanpa kebenaran guru.
- 6.11. Jika berlaku kecemasan atau kemalangan di dalam bilik darjah atau bilik khas, segera maklumkan kepada guru.
- 6.12. Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah atau bilik khas sewaktu rehat.
- 6.13. Pelajar tidak dibenarkan makan dan minum di dalam bilik darjah atau bilik-bilik khas.
- 6.14. Pelajar dilarang mengotori bilik darjah atau bilik khas.
- 6.15. Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam bilik darjah atau bilik khas selepas tamat waktu belajar tanpa pengawasan guru. Jika ingin menggunakan bilik darjah atau bilik khas untuk mengulang kaji pelajaran, dapat kebenaran dari pihak sekolah.
- 6.16. Pelajar mestilah mematuhi Pelan Kedudukan Pelajar Di dalam Kelas yang telah ditetapkan.
- 6.17. Setiap masa pelajar hendaklah mengamalkan nilai-nilai saling memahami, hormat mengormati dan bertolak ansur semasa guru mengajar atau sesama rakan pelajar di dalam kelas.
- 6.18. Pelajar dilarang mengganggu ketenteraman bilik darjah atau bilik khas dengan melakukan tingkah membuat bising, menjerit, menyanyi, bermain-main atau bergaduh.
- 6.19. Pelajar dilarang mengganggu guru mengajar dengan melakukan apa-apa perbuatan atau tingkah laku yang mendatangkan gangguan kepada ketenteraman bilik darjah.
- 6.20. Pelajar dilarang berkelakuan biadap terhadap guru atau rakan pelajar semasa di dalam kelas. Istilah berkelakuan biadap adalah seperti mempersendakan guru atau rakan pelajar, menjatuhkan maruah guru didepan pelajar lain, tidak menghormati guru atau rakan pelajar, mengeluarkan perkataan kesat terhadap guru atau rakan pelajar.

- 6.21. Jika pelajar ingin meminjam apa-apa peralatan dari rakan kelas, pinjam dan pulangkan semula peralatan dengan cara yang sopan dan berhemah
- 6.22. Jika pelajar ingin menyoal atau menjawab soalan, berikan isyarat dengan mengangkat tangan kanan dan berdiri untuk soalan apabila diarahkan oleh guru.
- 6.23. Setiap pelajar hendaklah menjaga harta benda mereka dengan selamat. Pastikan wang tidak ditinggalkan di dalam bilik darjah semasa pelajar keluar.

7. PERATURAN SEMASA PELAJAR MENGHADAPI KECEMASAN ATAU SAKIT DI SEKOLAH

- 7.1. Jika berlaku kecemasan atau pelajar sakit, segera maklumkan kepada guru.
- 7.2. Jika pelajar perlu dirujuk ke hospital, pihak sekolah akan menguruskan penghantaran pelajar sama ada memanggil ambulans atau guru menghantar pelajar ke hospital.
- 7.3. Jika pelajar ingin pulang ke rumah kerana tidak sihat, dapatkan kebenaran dari pihak sekolah. Pelajar hanya dibenarkan pulang bersama ibu/bapa/penjaga sahaja.

8. PERATURAN UNIFORM DAN KELENGKAPAN SEKOLAH

- 8.1. Uniform dan kelengkapan sekolah pelajar lelaki tingkatan 1 hingga tingkatan 5.
 - 8.1.1. Baju ;

Baju kemeja berwarna putih berkolar lipat berkocek satu (di sebelah kiri bahagian dada) berlengan pendek atau panjang. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar dibahagian pinggang. Tidak dibenarkan memakai baju yang terlalu sendat atau labuh. Baju juga tidak terlalu lusuh dan koyak.
 - 8.1.2. Seluar ;

Seluar panjang berwarna hijau tua (*dark olive*). Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai seluar yang berfesyen seperti ' *jeans* ' atau seluar panjang yang berfesyen keterlaluan atau seluar yang terlalu lusuh dan koyak (*Lihat Lampiran*).

- 8.1.3. Kasut ;
Kasut berwarna hitam bertali (*Identiti Khas*) yang diperbuat dari bahan kanvas atau bahan sintetik yang lain yang mempunyai daya resapan dan penyaluran udara yang sesuai. Pelajar tidak dibenarkan memakai selipar tanpa sebab yang wajar atau memakai ' *boot* ' atau ' *pump shoes* '. Tidak dibenarkan memakai kasut yang terlalu lusuh atau koyak.
- 8.2. Uniform dan kelengkapan sekolah pelajar perempuan tingkatan 1 hingga 5 ;
- 8.2.1. Baju ;
Baju kemeja putih berkolar lipat berkocek satu (di sebelah kiri bahagian dada) berlengan pendek atau panjang dan pinafore biru muda yang labuh hingga ke bahagian bawah lutut atau baju kurung putih dan berpesak paras lutut berkain ropol warna biru muda labuh hingga ke paras buku lali.
- 8.2.2. Tali leher ;
Sama seperti di (8.6.3). Pelajar perempuan yang memakai tali leher, tali leher hendaklah dimasukkan ke dalam pinafore.
- 8.2.3. Kasut ;
Sama seperti di (8.1.3)
- 8.2.4. Mini telekung ;
Pelajar Islam perempuan bertudung mini telekung putih dengan anak tudung putih tanpa ropol, sulaman, corak atau apa-apa hiasan. Bahagian bucu hadapan mini telekung hendaklah labuh hingga ke paras pusat. Bahagian bucu belakang mini telekung hendaklah labuh hingga ke paras belakang pinggang. Bahagian tepi kiri dan kanan mini telekung hendaklah menutup bahagian bahu hingga paras atas lengan.
- 8.3. Pakaian dan kelengkapan pelajar lelaki tingkatan 6 ;
- 8.3.1. Baju ;
- 8.3.1.1. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- 8.3.1.2. Tidak dibenarkan memakai kemeja yang terlalu sendat atau berfesyen keterlaluan.
- 8.3.1.3. Baju hendaklah tidak terlalu lusuh atau koyak.

- 8.3.2. Seluar ;
 - 8.3.2.1. Seluar panjang berwarna gelap tanpa corak.
 - 8.3.2.2. Tidak dibenarkan memakai seluar yang terlalu sendat dan berfesyen keterlaluan.
 - 8.3.2.3. Tidak dibenarkan memakai seluar trek atau *jeans* atau seluar yang mempunyai berfesyen seperti jeans atau seluar yang berfesyen keterlaluan.
 - 8.3.2.4. Seluar hendaklah tidak terlalu lusuh atau koyak.
- 8.3.3. Kasut ;
 - 8.3.3.1. Kasut berwarna hitam yang diperbuat dari bahan sintetik.
 - 8.3.3.2. Pelajar tidak dibenarkan memakai kasut *boot* atau *pump shoes* atau kasut sukan atau selipar
- 8.3.4. Kelengkapan lain ;
 - 8.3.4.1. Sama seperti di (8.7)
- 8.5. Pakaian dan kelengkapan pelajar perempuan tingkatan 6 ;
 - 8.5.1. Baju ;
 - 8.5.1.1. Baju kurung berpesak hingga ke lutut berkain hingga ke paras buku lali atau baju kemeja berlengan dengan blaus atau baju kemeja berlengan dengan seluar panjang atau baju kemeja berlengan dengan skirt yang labuh hingga ke paras bawah lutut.
 - 8.5.1.2. Baju atau seluar hendaklah tidak terlalu sendat.
 - 8.5.1.3. Pelajar perempuan dilarang pakaian yang berfesyen keterlaluan atau menjolok mata.
- 8.6. Mini telekung ;
 - 8.6.1. Pelajar perempuan Islam bertudung mini telekung berwarna putih, labuh hingga ke paras pusat. Bahagian bucu belakang mini telekung hendaklah labuh hingga ke paras belakang pinggang. Bahagian tepi kiri kanan mini telekung hendaklah menutup bahagian bahu hingga ke paras atas lengan.

8.6.2. Kasut ;

8.6.2.1. Kasut berwarna hitam yang diperbuat dari bahan sintetik.

8.6.2.2. Bahagian hadapan kasut hendaklah menutup jari kaki.

8.6.2.3. Pelajar tidak dibenarkan memakai kasut yang bertumit terlalu tinggi (melebihi 2 cm), selipar atau kasut sukan.

8.7. Kelengkapan lain ;

8.7.1. Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai tali pinggang dari bahan logam. Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar (tidak melebihi 4 cm lebar dan 5 cm panjang) dan lebar tali pinggang tidak melebihi 4 cm. Kepala tali pinggang tidak mempunyai apa-apa bucu tajam, corak atau berlambang kecuali lambang atau lencana unit badan beruniform.

8.7.2. Jika pelajar memakai songkok, songkok hendaklah berwarna hitam dan tidak mempunyai apa-apa lambang atau corak.

8.7.3. Tali leher berlencana sekolah berwarna merah hati (*maroon*).

8.7.4. Pelajar tingkatan 1 hingga 5 diwajibkan memakai lencana sekolah dan tanda nama yang diperbuat dari bahan kain.

8.7.5. Stokin berwarna putih, tinggi hingga ke paras atas buku lali.

9. PERATURAN KEKEMASAN, KEBERSIHAN DAN PENAMPILAN DIRI

9.1. Rambut, misai, janggut dan jambang ;

9.1.1. Rambut pelajar lelaki tidak dibenarkan panjang. Istilah panjang adalah seperti berikut ;

9.1.1.1. Bahagian belakang kepala, rambut dibiarkan tebal dan panjang melebihi garisan bawah cuping telinga.

9.1.1.2. Bahagian tepi kepala, rambut menutup atau menyentuh kedua-dua cuping telinga dan ' *sideburn* ' melebihi garisan tengah hidung.

9.1.1.3. Bahagian hadapan kepala, rambut panjang menutup garisan tengah dahi.

9.1.1.4. Bahagian atas kepala, panjang rambut tidak melebihi 5 cm.

- 9.1.2. Pelajar lelaki beragama sikh (Punjabi) dibenarkan berambut panjang jika memakai serban. Bagi yang tidak memakai serban, peraturan kekemasan rambut seperti yang ditetapkan di (9.1.1).
- 9.1.3. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan misai, janggut dan jambang.
- 9.1.4. Pelajar tidak dibenarkan mewarnakan rambut, mempunyai fesyen rambut yang keterlaluan dan membotakkan kepala tanpa sebab yang wajar (*Lihat Lampiran ; Fesyen rambut*)
- 9.1.5. Rambut pelajar lelaki mestilah sentiasa bersih, disisip rapi dan tidak berkutu.
- 9.1.6. Rambut pelajar perempuan hendaklah sentiasa dijaga rapi dan bebas dari masalah kesihatan.
- 9.1.7. Pelajar perempuan yang berambut panjang melepasi paras bahu, rambut hendaklah di sisip rapi menggunakan getah pengikat atau reben berwarna hitam.
- 9.1.8. Jika rambut bahagian hadapan panjang, rambut hendaklah di sisip menggunakan klip rambut berwarna hitam.
- 9.1.9. Pelajar perempuan tidak dibenarkan mewarnakan rambut, berfesyen rambut pendek seperti pelajar lelaki dan menghias rambut dengan menggunakan hiasan yang keterlaluan.
- 9.2. Kuku
 - 9.2.1. Pelajar tidak dibenarkan berkuku panjang.
 - 9.2.2. Pelajar tidak dibenarkan mewarnakan kuku.
 - 9.2.3. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kuku.
- 9.3. Penampilan, kebersihan diri, uniform dan kelengkapan sekolah
 - 9.3.1. Pelajar hendaklah sentiasa memastikan uniform dan kelengkapan sekolah yang digunakan bersih tiada kotoran dan berbau. Amalkan amalan penjagaan kebersihan diri yang baik.
 - 9.3.2. Pelajar perempuan tidak dibenarkan berhias, bersolek atau memakai apa-apa barang perhiasan.

- 9.3.3. Hanya pelajar lelaki Sikh sahaja yang dibenarkan memakai gelang tangan besi (*Kara bangle*).
- 9.3.4. Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai cincin atau apa-apa barang perhiasan.
- 9.3.5. Jika pelajar ingin memakai apa-apa perhiasan yang berunsur keagamaan atau kepercayaan, perhiasan itu hendaklah dipakai dengan cara tidak dipamerkan.

10. PERATURAN PENGGUNAAN BILIK KHAS

- 10.1. Bilik-bilik khas di sekolah ;
 - 10.1.1. Makmal Sains
 - 10.1.2. Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu
 - 10.1.3. Bilik Pendidikan Seni
 - 10.1.4. Makmal Sukan
 - 10.1.5. Makmal ICT
 - 10.1.6. Dewan Gemilang
 - 10.1.7. Pusat Sumber Sekolah
 - 10.1.8. Bilik Guru
 - 10.1.9. Bilik Kaunseling
 - 10.1.10. Bilik Disiplin
 - 10.1.11. Surau
- 10.2. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan di bilik-bilik khas.

11. PERATURAN KAWASAN LARANGAN DI SEKOLAH

- 11.1. Kawasan larangan di sekolah ;
 - 11.1.1. Padang sekolah
 - 11.1.2. Kawasan belakang blok tingkatan Beringin (Blok tingkatan 3)
 - 11.1.3. Kawasan belakang bengkel Kemahiran Hidup (bengkel lama) dan surau lama
 - 11.1.4. Dewan Bentara
 - 11.1.5. Asrama Bentara (kecuali pelajar asrama)
 - 11.1.6. Tempat letak kereta guru.

- 11.1.7. Mana-mana kawasan yang mempunyai papan tanda Kawasan Larangan
- 11.1.8. Mana-mana kawasan sekolah yang diishtiharkan sebagai Kawasan Larangan oleh pengetua dari semasa ke semasa.

12. PERATURAN PENGGUNAAN TANDAS

- 12.1. Tandas Pelajar Lelaki di tingkat 1 Blok Beringin :
 - 12.1.1. Pelajar lelaki tingkatan 1 dan pelajar lelaki tingkatan 3.1, 3.2, 3.3, 3.4, 3.5, 3.6, 3.7 dan 3.8
- 12.2. Tandas Guru Lelaki dan Pelajar Lelaki di tingkat bawah Blok Angsana dan Tandas Pelajar Lelaki di tingkat bawah di Blok Cemara (Blok Baharu):
 - 12.2.1. Pelajar lelaki tingkatan 3RK1, 3RK2, 2.1, 2.2, 2.3, 2.4, 2.5, 2.6, 2.7, 2.8, 4.5, 4.6, 4.7, 4.8, 4.9, 5.4, 5.5, 5.6, 5.7, 5.8, 5.9 dan pelajar lelaki tingkatan 6 .
- 12.3. Tandas Pelajar Lelaki di tingkat 1 di Blok Cemara (Blok Baharu) :
 - Pelajar lelaki tingkatan 4.1, 4.2, 4.3, 4.4, 5.1, 5.2, 5.3 dan pelajar lelaki tingkatan 6.
- 12.4. Pelajar perempuan tingkatan 1,2,3,4,5 dan 6 ;
 - 12.4.1. Pelajar perempuan boleh menggunakan mana-mana tandas pelajar perempuan di kawasan sekolah.
- 12.5. Semua pelajar dilarang menggunakan tandas yang berada bersebelahan Makmal Sukan (di padang) kecuali semasa pelajar menjalankan kelas PJK dengan kebenaran guru.

13. PERATURAN PENGGUNAAN KANTIN

- 13.1. Pelajar hanya dibenarkan berada di kawasan kantin sewaktu rehat sahaja.
- 13.2. Sewaktu masa rehat, pelajar dikehendaki makan dan minum di kawasan kantin sahaja. Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar makanan yang dibeli di kantin.
- 13.4. Pelajar tidak dibenarkan berebut-rebut ketika membeli makanan di kantin. Beli makanan dengan berbaris dan teratur serta bertertib.
- 13.5. Pelajar dikehendaki duduk dimeja yang telah ditetapkan semasa makan dan minum di kantin.

- 13.6. Selesai makan atau minum, pinggan dan cawan yang digunakan hendaklah diletakkan di dalam bekas yang disediakan oleh pihak pengusaha kantin.
- 13.7. Kumpulkan sisa makanan yang tertinggal di atas meja dan buang di dalam tong sampah.
- 13.8. Pelajar dilarang mengotori kawasan kantin.
- 13.9. Apabila loceng tamat rehat dibunyikan, pelajar dikehendaki segera beredar dari kawasan kantin dan masuk ke kelas masing-masing.

14. PERATURAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN SEKOLAH

- 14.1. Telefon Awam ;
 - 14.1.1. Pelajar hanya boleh menggunakan telefon awam sewaktu rehat sahaja.
 - 14.1.2. Pelajar hanya boleh menggunakan telefon awam untuk urusan menghubungi keluarga sahaja.
- 14.2. Mesin menjual air tin ;
 - 14.2.1. Pelajar hanya dibenarkan membeli air di mesin automatik semasa waktu rehat sahaja.
- 14.3. Mesin ' *Water cooler* ' ;
 - 14.3.1. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan mesin ' *Water cooler* ' sewaktu rehat sahaja.
- 14.4. Pondok bacaan ;
 - 14.4.1. Gunakan pondok bacaan untuk aktiviti yang berfaedah sahaja seperti membaca atau mengulangkaji pelajaran.
 - 14.4.2. Pelajar tidak dibenarkan bersembang atau melakukan apa-apa aktiviti yang tidak berfaedah di pondok bacaan.
- 14.5. Padang sekolah ;
 - 14.5.1. Pelajar dilarang menggunakan kawasan padang sekolah tanpa kebenaran guru.
 - 14.5.2. Segala peralatan sukan yang berada di padang sekolah adalah larangan bagi pelajar. Jika pelajar ingin menggunakan apa-apa peralatan sukan di padang mestilah dengan kebenaran guru.

- 14.6. Dewan ;
 - 14.6.1. Pelajar tidak dibenarkan mengadakan apa-apa aktiviti di Dewan Bentara atau Dewan Gemilang tanpa kebenaran pihak sekolah.
 - 14.6.2. Jika pelajar ingin mengadakan apa-apa aktiviti yang bercorak akademik atau ko kurikulum, dapatkan kebenaran bertulis dari pihak sekolah.
- 14.7. Air dan elektrik ;
 - 14.7.1. Gunakan kemudahan air dan elektrik dengan cara yang selamat dan berjimat cermat.
 - 14.7.2. Pastikan pili di tandas ditutup selepas digunakan.
 - 14.7.3. Pastikan lampu dan kipas dimatikan sebelum keluar dari bilik darjah atau bilik khas.
- 14.8. Kedai Fotostat ;
 - 14.8.1. Pelajar hanya dibenarkan berurusan dengan kedai fotostat sewaktu masa rehat sahaja.
 - 14.8.2. Jika pelajar ingin berurusan dengan kedai fotostat sewaktu masa belajar, dapatkan kebenaran guru.
- 14.9. Buku teks ;
 - 14.9.1. Buku teks adalah peralatan sekolah yang dipinjamkan kepada semua pelajar.
 - 14.9.2. Uruskan buku teks yang yang dipinjamkan dengan cara yang berhemah. Pelajar tidak dibenarkan merosak atau menghilangkan buku teks yang dipinjam.
 - 14.9.3. Pelajar yang merosak atau menghilangkan buku teks sekolah akan dikenakan tindakan disiplin.
 - 14.9.4. Pada setiap masa ke sekolah, pelajar dikehendaki membawa buku teks mengikut mata pelajaran yang tercatat di jadual masa belajar.

15. PERATURAN SEWAKTU BERLAKU KECEMASAN DI SEKOLAH

- 15.1. Apabila berlaku kecemasan di sekolah seperti kebakaran, loceng amaran akan dibunyikan panjang dan berturut-turut.
- 15.2. Semua pelajar, guru, staf sokongan dan pihak yang berurusan dengan sekolah hendaklah bersegera beredar secara terkawal dan teratur ke tempat berkumpul semasa berlaku kecemasan di dalam kawasan sekolah. Patuhi Pelan Kebakaran.
- 15.3. Pelajar hendaklah meninggalkan segala peralatan sekolah semasa beredar keluar dari kelas sewaktu berlaku kecemasan.
- 15.4. Pelajar dikehendaki berbaris mengikut kelas masing-masing semasa berada di tempat berkumpul sewaktu kecemasan. Ketua tingkatan atau penolong ketua tingkatan hendaklah melaporkan jumlah pelajar kepada guru tingkatan.
- 15.5. Semasa berbaris di tempat berkumpul, pelajar tidak dibenarkan membuat kekacauan. Patuhi arahan guru.

16. PERATURAN SEMASA MAJLIS PERHIMPUNAN SEKOLAH

- 16.1. Pelajar sesi pagi dikehendaki berkumpul di Dataran Wawasan ketika hadir ke sekolah waktu pagi.
- 16.2. Pelajar sesi petang dikehendaki berkumpul di tempat yang diarahkan oleh guru ketika hadir ke sekolah waktu tengahari.
- 16.3. Pelajar sesi pagi tidak dibenarkan masuk ke kelas sewaktu hadir ke sekolah waktu pagi.
- 16.4. Semasa di perhimpunan, pelajar dilarang membuat kekacauan yang boleh mengganggu ketenteraman perhimpunan.
- 16.5. Pelajar dikehendaki berbaris mengikut kelas masing-masing atau unit beruniform secara teratur dan bertertib. Patuhi arahan pengawas atau ketua platun yang menjaga kelas atau unit beruniform masing-masing.
- 16.6. Semasa perhimpunan berlangsung, pelajar tidak dibenarkan berbual atau melakukan apa-apa perbuatan yang mengganggu perjalanan perhimpunan.

- 16.7. Semasa Lagu Negara Ku, Lagu Bangsa Johor dan Lagu Sekolah di nyanyikan , pelajar hendaklah menghormati lagu dengan berdiri tegak, tangan di sisi dan menyanyi dengan kuat dan bersemangat. Pelajar dilarang berbual atau melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan ketika nyanyian Lagu Negara Ku, Lagu Bangsa Johor dan Lagu Sekolah dinyanyikan.
- 16.8. Semasa bacaan ikrar, pelajar dikehendaki berdiri tegak, mengangkat tangan kanan dan mengikut bacaan ikrar dengan kuat dan bersemangat.

17. PERATURAN MENJALANKAN KELAS PENDIDIKAN JASMANI (PJ)

- 17.1. Pakaian dan kelengkapan pelajar lelaki tingkatan 1 hingga 5 semasa menjalankan kelas PJ ;
 - 17.1.1. Baju T berkolar berlengan pendek atau panjang, berwarna merah dan kuning yang mempunyai lencana dan tanda nama.
 - 17.1.2. Seluar trek panjang berwarna biru gelap yang mempunyai lencana sekolah.
 - 17.1.3. Baju T hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam trek diparas pinggang.
 - 17.1.4. Kasut sukan atau kasut sekolah dan memakai stoking berwarna putih.
- 17.2. Pakaian dan kelengkapan pelajar perempuan tingkatan 1 hingga 5 semasa menjalankan kelas PJ ;
 - 17.2.1. Baju T berkolar berlengan panjang, berwarna merah dan kuning yang mempunyai lencana sekolah dan tana nama.
 - 17.2.2. Seluar trek panjang berwarna gelap yang mempunyai lencana sekolah.
 - 17.2.3. Pelajar perempuan Islam bertudung mini telekung (sama seperti di 8.2.4)
 - 17.2.4. Kasut sekolah dan memakai stoking berwarna putih.
- 17.3. Jika pelajar tidak dapat menjalankan kelas pendidikan jasmani kerana sakit, maklumkan kepada guru dengan segera.
- 17.4. Pelajar dilarang menggunakan peralatan sukan semasa kelas PJ tanpa kebenaran guru.

- 17.5. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi arahan guru ketika menjalankan kelas PJ.
- 17.6. Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi peraturan berpakaian semasa menjalankan kelas PJ.
- 17.7. Pelajar dibenarkan memakai pakaian dan kelengkapan PJ yang lengkap semasa datang hingga balik sekolah jika menjalani kelas PJ pada hari berkenaan.

18. PERATURAN PENGLIBATAN AKTIVITI KO- KURIKULUM

- 18.1. Badan beruniform ;
 - 18.1.1. Setiap pelajar diwajibkan menjadi ahli SATU unit Badan Beruniform yang ada di sekolah.
 - 18.1.2. Syarat menjadi ahli mestilah terus menerus dari tingkatan 1 hingga 5. Pelajar tidak dibenarkan menukar keahlian unit badan beruniform tanpa kebenaran pengetua.
 - 18.1.3. Setiap pelajar dikehendaki memakai pakaian seragam unit uniform masing-masing pada hari Rabu dan hari Ahad minggu ketiga setiap bulan.
- 18.2. Persatuan Akademik ;
 - 18.2.1. Setiap pelajar diwajibkan menjadi ahli SATU Persatuan Akademik yang ada di sekolah.
 - 18.2.2. Syarat menjadi ahli mestilah terus menerus dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pelajar tidak dibenarkan menukar keahlian persatuan akademik tanpa kebenaran pengetua.
- 18.3. Kelab Hobi dan Rekreasi ;
 - 18.3.1. Setiap pelajar diwajibkan menjadi ahli SATU Kelab Hobi dan Rekreasi yang ada di sekolah.
 - 18.3.2. Syarat menjadi ahli mestilah terus menerus dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pelajar tidak dibenarkan menukar keahlian Kelab Hobi dan Rekreasi tanpa kebenaran pengetua.
- 18.4. Kelab Sukan dan Permainan ;
 - 18.4.1. Setiap pelajar diwajibkan menjadi ahli SATU Kelab Sukan dan Permainan yang ada di sekolah.

- 18.4.2. Syarat menjadi ahli mestilah terus menerus dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Pelajar tidak dibenarkan menukar keahlian Kelab Sukan dan Permainan tanpa kebenaran pengetua.
- 18.5. Setiap pelajar diwajibkan mengambil bahagian dalam SATU jenis permainan sukan di sekolah untuk program 1 Murid 1 Sukan.
- 18.6. Pelajar hanya dibenarkan SATU jawatan tertinggi dalam mana-mana badan unit beruniform, persatuan akademik atau kelab hobi dan rekreasi.
- 18.7. Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian secara aktif dalam unit badan beruniform, persatuan akademik, kelab hobi dan rekreasi dan 1 murid 1 sukan untuk pencapaian markah ko- kurikulum yang baik.

19. PERATURAN PAKAIAN UNIT BERUNIFORM, KELAB DAN PERSATUAN

- 19.1. Setiap pelajar dikehendaki memakai pakaian seragam Unit beruniform atau Kelab atau Persatuan masing-masing pada setiap hari Rabu dan pada hari Ahad minggu ketiga pada setiap bulan.
- 19.2. Pelajar hendaklah memakai pakaian seragam pasukan badan beruniform yang didaftar di sekolah yang lengkap atau sebahagian daripadanya seperti memakai baju-T berkolar yang melambangkan pasukannya atau ;
- 19.3. Pelajar juga boleh memakai pakaian seragam Kelab atau Persatuan yang didaftarkan di sekolah, sama ada dalam bentuk jaket, baju layang atau baju-T berkolar.
- 19.4. Pelajar perempuan Islam yang memakai baju -T pakaian seragam pasukan badan beruniform atau Kelab atau Persatuan, baju hendaklah berlengan panjang dan memakai mini telekung berwarna hitam. Baju hendaklah tidak terlalu terlalu sendat. Tudung mini telekung sama seperti di 8.6.1 (kecuali warna). Seluar berwarna gelap dan dilarang memakai seluar yang ketat.
- 19.5. Pakaian seragam badan beruniform, Kelab dan Persatuan hendaklah dicetak dengan nama pasukan badan beruniform atau kelab atau persatuan dibahagian belakang dan logo di bahagian hadapan sebelah kiri dada.
- 19.6. Mana-mana Kelab atau Persatuan yang ingin mereka bentuk baju untuk Kelab atau Persatuan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari GPK Ko Kurikulum

20. PERATURAN BARANG YANG DILARANG DIBAWA ATAU DIMILIKI DI DALAM KAWASAN SEKOLAH

- 20.1. Bahan letupan ;
 - 20.1.1. Mercun atau apa-apa jua bahan atau alat yang boleh meletup.
- 20.2. Bahan yang mudah terbakar ;
 - 20.2.1. Apa-apa bahan yang mudah terbakar seperti minyak petrol, thinner, spirit metal.
 - 20.2.2. Pemetik api (lighter)
- 20.3. Bahan yang boleh menghakis atau boleh mendatangkan mudarat seperti asid atau racun.
- 20.4. Senjata ;
 - 20.4.2. Apa-apa objek tajam atau tumpul yang boleh ; mendatangkan kecederaan atau memudaratkan atau berbahaya atau digunakan untuk sesuatu tujuan jenayah.
- 20.5. Bahan yang boleh digunakan untuk tujuan perjudian ;
 - 20.5.1. Terup atau apa-apa jenis dam atau permainan atau peralatan yang boleh dijadikan aktiviti perjudian atau pertaruhan.
- 20.6. Bahan lucah ;
 - 20.6.1. Apa-apa bahan bercetak yang mengandungi unsur-unsur lucah.
 - 20.6.2. Apa-apa cakera optik atau peranti yang mengandungi bahan lucah.
- 20.7. Apa-apa juga bahan atau produk yang diklasifikasikan sebagai dadah oleh Agensi Dadah Kebangsaan.
- 20.8. Produk tembakau ;
 - 20.7.1 Apa-apa produk dari tembakau seperti rokok.
- 20.9. Alat sedutan atau ' Inhaler ' ;
 - 20.8.1. Rokok elektronik (*e- Rokok*) atau Vape
 - 20.8.2. Apa-apa bahan yang digunakan secara ' Inhaler ' yang boleh digunakan untuk aktiviti penagihan.
- 20.10. Peralatan elektronik ;
 - 20.10.1. Telefon bimbit atau apa-apa peralatan elektronik yang boleh mengganggu proses pembelajaran.
- 20.11. Barang perhiasan ;
 - 20.11.1. Apa-apa barang perhiasan yang boleh menjejaskan penampilan seseorang pelajar atau mengganggu proses pembelajaran

- 20.12. Alat muzik.
- 20.13. Haiwan peliharaan.
- 20.14. Bahan makanan atau minuman yang tidak halal.
- 20.15. Apa-apa bahan atau barang atau produk yang boleh mendatangkan mudarat adalah dilarang dibawa dan dimiliki di dalam kawasan sekolah.
- 20.16. Bahan atau barang yang dilarang dibawa ke dalam kawasan sekolah akan dirampas oleh pihak sekolah dan tidak akan dikembalikan kepada pelajar kecuali telefon bimbit.

Bahagian 3

JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN TINDAKAN DISIPLIN

(*Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7 Tahun 2003; Kementerian Pendidikan Malaysia*)

KESALAHAN BERAT

1. Melakukan mana -mana kesalahan sederhana kali KETIGA.
2. Menyimpan atau membawa atau mengedar atau menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah.
3. Membawa atau menyimpan atau menghisap atau mengedar bahan tembakau.
4. Membawa atau meminum atau menyimpan atau mengedar ; minuman keras atau sebarang bahan yang memabukkan atau menghayalkan.
5. Menyebabkan pergaduhan.
6. Melakukan pergaduhan.
7. Melakukan kekerasan fizikal atau membuli.
8. Melakukan ancaman jenayah atau ugutan jenayah.
9. Memeras ugut.
10. Memukul atau menyebabkan kecederaan.
11. Bersikap biadap terhadap ; pelajar atau pengawas atau guru atau pekerja sekolah atau mana-mana pihak yang berurusan dengan sekolah.
11. Membawa atau memiliki atau menggunakan ; senjata atau alat atau bahan berbahaya.
12. Mencuri atau merompak atau memecah masuk atau menceroboh kawasan larangan.
13. Mencetak atau menerbit atau mempamer atau mengedar atau menyimpan ; bahan bercetak atau bahan audio atau bahan multimedia yang dilarang.
14. Membabitkan diri atau mengorganisasi kumpulan haram.
15. Mencabul kehormatan pelajar atau guru atau pekerja sekolah atau mana-mana pihak yang berurusan dengan sekolah
16. Melacur atau melakukan zina atau melakukan hubungan luar tabii atau bercumbu (bercium) atau berpeluk-pelukan antara lelaki dengan perempuan.
17. Ditangkap oleh pihak berkuasa kerana terlibat dalam kegiatan jenayah atau kegiatan dadah.
18. Ditangkap oleh pihak berkuasa agama kerana terlibat melakukan kesalahan jenayah syariah.
19. Mengorganisasi atau melibatkan diri dalam kegiatan tidak bermoral.

20. Mengintai pelajar perempuan atau lelaki.
21. Menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar yang berunsur hasutan.
22. Merosakkan harta benda sekolah.
23. Membawa atau menggunakan bahan letupan.
24. Melakukan perbuatan lucah atau melakukan tingkah laku lucah.
25. Menulis atau melukis gambar lucah atau perkataan lucah.
26. Menulis atau melukis gambar atau perkataan yang lucah atau kesat bertujuan untuk menghina ; pelajar atau guru atau pekerja sekolah atau mana-mana pihak yang berurusan dengan sekolah.
27. Mengedar atau memiliki atau membawa bahan lucah.
28. Mengeluarkan kata-kata kesat atau lucah.
29. Melakukan hubungan yang dicurigai.
30. Mengorganisasi atau membababitkan diri dalam tunjuk perasaan atau perhimpunan haram.
31. Merusuh atau menyebabkan berlakunya rusuhan.
32. Menyalahgunakan alat permainan elektronik atau bahan-bahan multimedia.
33. Membawa atau memiliki barang atau bahan larangan di sekolah.
34. Melakukan perbuatan yang mengganggu guru mengajar di dalam bilik darjah.
35. Melakukan perbuatan yang mengganggu ketenteraman ujian atau peperiksaan sekolah atau peperiksaan awam.
36. Membawa orang yang tidak berkenaan ke dalam sekolah tanpa kebenaran.
37. Menjejaskan kuasa pengetua atau guru yang menjalankan tugas atau ingkar arahan pengetua atau guru.
38. Tidak hadir ke sekolah tanpa apa-apa kenyataan dari penjaga selama 30 hari persekolahan berturut-turut atau selama 60 hari persekolahan tidak berturut-turut dalam satu tahun persekolahan
39. Menganjur atau melibatkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia.
40. Melanggar Peraturan Sekolah atau Peraturan Jabatan Pendidikan Negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia.
41. Mana-mana kesalahan lain yang dianggap berat dan bersesuaian dengan kategori ini.

KESALAHAN SEDERHANA

1. Melakukan mana-mana kesalahan ringan melebihi TIGA kali.
2. Memasuki kawasan larangan di dalam kawasan sekolah.
3. Menyalahgunakan atau menggunakan peralatan sekolah atau kemudahan sekolah tanpa kebenaran guru.
4. Keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran pengetua.
5. Tidak amanah atau menipu.
6. Tidak menghadiri sesi pembelajaran di dalam bilik darjah tanpa kebenaran guru (ponteng kelas).
7. Sengaja tidak hadir ke sekolah untuk bersuka-suka (ponteng sekolah).
8. Tidak hadir ke sekolah tanpa apa-apa kenyataan.
9. Tidak hadir ke majlis atau aktiviti sekolah yang diarahkan oleh pengetua.
10. Tidak menghormati lagu Negara Ku, Lagu Bangsa Johor, Lagu Sekolah atau mana-mana lagu negeri.
11. Tidak menghormati bacaan ikrar semasa perhimpunan rasmi sekolah.
12. Berfesyen rambut keterlaluan seperti punk, skin head atau menyerupai artis tertentu atau mewarnakan rambut.
13. Tidak mematuhi peraturan berpakaian ; uniform sekolah atau kelengkapan sekolah atau unit beruniform.
14. Melakukan vandalisme terhadap harta benda atau kemudahan sekolah.
15. Memakai barang perhiasan yang keterlaluan seperti memakai subang atau cincin atau rantai atau gelang.
16. Bertindik pada telinga (lelaki) atau bertindik melebihi dari satu lubang pada satu telinga (perempuan).
17. Mana-mana kesalahan lain yang dianggap sederhana dan bersesuaian dengan kategori ini.

KESALAHAN RINGAN

1. Menyimpan misai atau janggut atau jambang.
2. Berambut panjang.
3. Berkeliaran di kaki lima bilik darjah.
4. Menggunakan atau membawa keluar peralatan di bilik darjah atau bilik khas atau kemudahan sekolah tanpa kebenaran guru.
5. Keluar dari bilik darjah tanpa kebenaran guru.
6. Berada di kantin sekolah semasa waktu masa belajar.
7. Memasuki bilik khas tanpa kebenaran guru.
8. Tidak mematuhi peraturan di bilik khas.
9. Makan dan minum di dalam bilik darjah.
10. Berada di dalam bilik darjah sewaktu masa rehat.
11. Melakukan pembaziran kemudahan elektrik dan air.
12. Tidak memakai pakaian seragam (uniform) sekolah yang lengkap.
13. Tidak memakai pakaian seragam unit beruniform.
14. Tidak memakai pakaian pendidikan jasmani yang lengkap.
15. Tidak mementingkan kekemasan dan penampilaan diri.
16. Kesalahan yang di dalam bilik darjah seperti tidak membawa buku teks atau latihan atau nota, tidak menyiapkan tugas, berbual semasa guru mengajar)
17. Datang lewat ke sekolah.
18. Lewat bergerak ke bilik-bilik khas atau ke perhimpunan sekolah.
19. Membuat bising yang mengganggu ketenteraman sekolah.
20. Menunggang atau memandu kenderaan di dalam kawasan sekolah.
21. Berkeliaran di sekitar kawasan sekolah semasa waktu belajar.
22. Tidak melakukan tugas yang diarahkan.
23. Mengganggu kawasan.
24. Lewat masuk ke dalam bilik darjah.
25. Mengotori kawasan sekolah atau kantin atau bilik darjah.
26. Menukar tempat duduk di dalam bilik darjah tanpa kebenaran guru.
27. Melanggar Peraturan Sekolah atau Peraturan Jabatan Pendidikan Negeri
28. Mana-mana kesalahan lain yang dianggap ringan dan bersesuaian dengan kategori ini.

Bahagian 4

HUKUMAN KE ATAS MURID MEROKOK

(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 / 1997: Kementerian Pendidikan Malaysia)

KESALAHAN	TINDAKAN DISIPLIN (HUKUMAN)
Kali Pertama	Rotan Satu Kali
Kali Kedua	Rotan Dua kali
Kali Ketiga	Rotan Tiga Kali
Kali Keempat	Gantung sekolah tidak melebihi 14 hari
Kali Kelima	Pembuangan sekolah

Bahagian 5

TINDAKAN DISIPLIN**KE ATAS PELAJAR YANG MELAKUKAN KESALAHAN**

Jadual 1.

KESALAHAN	TINDAKAN DISIPLIN	
BERAT		
Kali Pertama	Tindakan Disiplin (1) : (i). Amaran Keras atau ; (ii). Rotan Satu kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi atau ;	Kali ke 1 Amaran pertama
Kali Kedua	Tindakan Disiplin (2) : (i). Amaran Keras atau ; (ii). Rotan Dua kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi atau ;	Kali ke 2 Amaran kedua
Kali Ketiga	Tindakan Disiplin (3) : (i). Amaran Keras atau ; (ii). Rotan Tiga kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi.	Kali ke 3 Amaran akhir
Kali Keempat	Tindakan Disiplin (4) : Gantung sekolah tidak kurang TUJUH hari atau ; tidak melebihi EMPAT BELAS HARI atau ;	
Kali Kelima	Tindakan Disiplin (5) : BUANG SEKOLAH.	

Jadual 2.

KESALAHAN	TINDAKAN DISIPLIN	
SEDERHANA		
Kali pertama	Tindakan Disiplin (1) : (i). Amaran Pertama atau ; (ii). Rotan Satu kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi atau ; (v). Penahanan atau Denda atau ;	
Kali kedua	Tindakan Disiplin (2) : (i). Amaran Kedua atau ; (ii). Rotan Dua kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi atau ; (v). Penahanan atau Denda atau ;	
Kali ketiga	Tindakan Disiplin (3). (i). Amaran Ketiga atau ; (ii). Rotan Tiga kali atau ; (iii). Barang dirampas atau ; (iv). Membayar ganti rugi atau ; (v). Penahanan atau Denda atau ;	
Kali keempat	Tindakan Disiplin (4). Amaran Keempat atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (1)	
Kali kelima	Tindakan Disiplin (5). Amaran Kelima atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (2)	
Kali keenam	Tindakan Disiplin (6). Amaran Keenam atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (3)	
Kali ketujuh	Tindakan Disiplin (7). Amaran Ketujuh atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (1)	
Kali kelapan	Tindakan Disiplin (8). Amaran Kelapan atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (2)	
Kali kesembilan	Tindakan Disiplin (9). Amaran Kesembilan atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (3)	
Kali kesepuluh	Tindakan Disiplin (10). Amaran Kesepuluh atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (1)	
		Kali ke 3 Amaran pertama
		Kali ke 6 Amaran kedua

sambungan Jadual 2.

KESALAHAN	TINDAKAN DISIPLIN	
SEDERHANA		
Kali kesebelas	Tindakan Disipin (11). Amaran Kesebelas atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (2)	
Kali kedua belas	Tindakan Disipin (12). Amaran AKHIR atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (3)	Kali ke 12
Kali ketiga belas	Tindakan Disipin (13). Jadual 2 Tindakan Disiplin (1)	Amaran akhir
Kali keempat belas	Tindakan Disiplin (14). Jadual 1 Tindakan Disiplin (4) Gantung sekolah tidak kurang TUJUH hari atau tidak melebihi EMPAT BELAS hari atau ;	
Kali kelima belas	Tindakan Disiplin (15). Jadual 1 Tindakan Disiplin (5) BUANG SEKOLAH	

Jadual 3 ;

KESALAHAN	TINDAKAN DISIPLIN	
RINGAN		
Kali keempat	Tindakan Disiplin (1). Amaran Pertama atau ; Penahanan atau Denda atau ;	
Kali kelapan	Tindakan Disiplin (2). Amaran Kedua atau ; Penahanan atau Denda atau ;	
Kali kedua belas	Tindakan Disiplin (3). Amaran Ketiga atau ; Penahanan atau Denda atau ;	Kali ke 12 Amaran pertama
Kali keenam belas	Tindakan Disiplin (4). Amaran Keempat atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (1)	Kali ke 16 Amaran kedua
Kali kedua puluh	Tindakan Disiplin (5). Amaran Kelima atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (2)	
Kali kedua puluh empat	Tindakan Disiplin (6). Amaran AKHIR atau ; Jadual 2 Tindakan Disiplin (3)	Kali ke 24 Amaran akhir
Kali kedua puluh Lapan	Tindakan Disiplin (7). Amaran Kedua belas atau ; Jadual 1 Tindakan Disiplin (4) Gantung sekolah tidak kurang TUJUH hari atau tidak melebihi EMPAT BELAS HARI atau ;	
Kali ketiga puluh dua	Tindakan Disiplin (8). Jadual 1 Tindakan Disiplin (5) BUANG SEKOLAH.	

Bahagian 6

**TINDAKAN DISIPLIN KE ATAS MURID TIDAK HADIR KE SEKOLAH
TANPA APA-APA KENYATAAN DALAM SATU TAHUN PERSEKOLAHAN**

Berturut - turut selama 30 hari	Tidak berturut-turut selama 60 hari	Tindakan Disiplin
Hari ke 3	10 hari	Amaran Pertama
Hari ke 10	20 hari	Amaran Kedua
Hari ke 17	40 hari	Amaran Akhir
Hari ke 30	60 hari	Buang sekolah

Lampiran : Peraturan Uniform Dan Kelengkapan Sekolah.

Penampilan diri yang tidak dibenarkan :

1. Uniform Sekolah Perempuan :



Skirt yang singkat atau sendat



Baju yang fesyen




Baju dan kain yang singkat dan sendat


2. Uniform Sekolah Lelaki :




Tidak kemas



Bahagian bawah kecil ukuran ukurlilit kurang 18 cm




Seluar *Bell Bottom*



Seluar berfesyen *Jeans*



Pemakaian tali leher yang tidak kemas



Melipat lengan baju

3. Rambut yang tidak dibenarkan :



Rambut pelajar perempuan tidak disisip rapi



Rambut pelajar lelaki bahagian hadapan panjang



Rambut pelajar lelaki bahagian belakang panjang



(1)



(2)



(3)





(4)



(5)

Antara rambut yang berfesyen keterlaluan

4. Fesyen rambut yang dibenarkan :



5. Pemakaian Tanda nama dan Lencana sekolah




Pelajar lelaki



Pelajar perempuan bertudung
mini telekung



Pelajar perempuan
memakai Pinafore



Pelajar perempuan
memakai baju kurung tanpa
bertudung mini telekung

IKRAR PELAJAR

Kami, pelajar SMK Dato' Bentara Luar Batu Pahat Johor, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita negara berdasarkan prinsip-prinsip Rukun Negara ;

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetiaan kepada Raja dan Negara

Keluruhan Perlembagaan

Kedaulatan Undang-undang

Kesopanan dan Kesusilaan

Kami juga berikrar akan patuh kepada Peraturan Sekolah, taat kepada ibubapa, menghormati guru, rakan-rakan dan seluruh warga SMK Dato' Bentara Luar Batu Pahat Johor. Kami juga berikrar akan belajar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam semua bidang demi menjaga nama baik sekolah, keluarga, agama dan negara.

LAGU SEKOLAH : MARCH BENTARA

Wahai putera dan puteri Bentara

Berbakti ibu pertiwi

Bersama-sama berganding tangan

Bergerak terus maju

Mari buktikan taat dan setia

Pada nusa dan bangsa

Sebagai menyahut seruan panggilan

Sambutlah harapan ibunda

Walau pun apa rintangan

Patahkan sepenuh tenaga

Usah ditakuti wahai putera puteri ku

Andai kata kau gugur di medan

Di dalam kancah perjuangan

Pastikan dikenang jasamu baktimu

Sehinggalah ke akhir zaman

LAGU BANGSA JOHOR

Allah peliharakan Sultan
Anugerahkan dia dengan segala kehormatan
Sihat dan ria kekal dan makmur
Luaskan kuasa, naungkan kami
Rakyat dipimpin, berzaman lagi
Dengan merdeka bersatu hati
Allah berkati Johor
Allah selamatkan Sultan

LAGU NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup, bersatu dan maju
Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan
Raja kita, selamat bertakhta
Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta



SMK DATO' BENTARA LUAR
BATU PAHAT
JOHOR

**SURAT AKU JANJI ANTARA PELAJAR
DENGAN
PENGETUA SMK DATO' BENTARA LUAR**

Dengan ini, saya _____ pelajar tingkatan _____ tahun _____ mengaku telah membaca memahami segala maksud peraturan yang terkandung di dalam Peraturan Sekolah SMK Dato' Bentara Luar Batu Pahat (*Pindaan 2015*). Saya juga sedar jika saya dengan sengaja melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peraturan yang terkandung di dalam peraturan ini saya boleh dikenakan Tindakan Disiplin oleh pihak pengetua sekolah.

Saya juga berjanji akan sentiasa mematuhi segala peraturan yang terkandung di dalam peraturan ini dan tidak mempertikaikan apa-apa tindakan disiplin yang dikenakan terhadap saya selagi tindakan disiplin itu mengikut tatacara dan prosedur yang telah dinyatakan.

Tandatangan pelajar : _____

Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____

Saksi (1) : Tandatangan Ibumama / Penjaga pelajar : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Saksi (2) : Tandatangan bagi pihak Pengetua sekolah : _____

Nama dan Jawatan :

Tarikh : _____

